



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

Tel : 09-5715700  
Faks : 09-5734857  
Laman Web : [jnpahang.moe.gov.my](http://jnpahang.moe.gov.my)

Ruj. Kami : JPNP.SPA.03-100/Jld.18 (74)  
Tarikh : 12 Mac 2019  
5 Rejab 1440H

Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Negeri Pahang Darul Makmur

Tuan,

**PERINGATAN BERKAITAN PANDUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH  
MELALUI PENGUATKUASAAN ARAHAN PENTADBIRAN SEPERTI BERIKUT :**

1. SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 14 TAHUN 2014: PANDUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH BERTARIKH 4 SEPTEMBER 2014
2. SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 1 TAHUN 2000: PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH RENDAH BERTARIKH 3 FEBRUARI 2000 : DAN
3. SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 10 TAHUN 1993 : PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH BERTARIKH 27 DISEMBER 1993

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dan surat KPM.100-1/7/1 Jld 9 (48) bertarikh 6 Mac 2019 dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan surat daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.
3. Sebarang pertanyaan berkaitan di atas, pihak tuan boleh menghubungi Encik Abdul Kamaludin bin Abdul Hamed di talian 09-5715771 / 013-9319311.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**DR. HAJI TAJUDDIN BIN MOHD YUNUS**  
Pegawai Pendidikan Pahang

s.k:

Timbalan Pengarah Pendidikan Pahang

Ketua Sektor Pengurusan Akademik

Fail



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
 OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
 SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
 EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
 MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
 ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
 LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
 62604 PUTRAJAYA  
 MALAYSIA



Tel : +603-8884 9302  
 Faks : +603-8888 6680  
 Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/1 Jld. 9 ( 48 )  
 Tarikh: 06 Mac 2019

Semua Pengarah Pendidikan  
 Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

DR. HAJI TAJUDDIN BIN MOHD YUNUS  
 Pengarah Pendidikan Pahang

**PERINGATAN BERKAITAN PANDUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH MELALUI PENGUATKUASAAN ARAHAN PENTADBIRAN SEPERTI BERIKUT:**

1. SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 14 TAHUN 2014 : PANDUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH BERTARIKH 4 SEPTEMBER 2014 ;
2. SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 1 TAHUN 2000 : PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH RENDAH BERTARIKH 3 FEBRUARI 2000; DAN
3. SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 10 TAHUN 1993: PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH BERTARIKH 27 DISEMBER 1993

Surat ini bertujuan memaklumkan tentang peringatan berkaitan panduan penggunaan buku kerja di sekolah melalui Surat Siaran Kementerian Pendidikan Bilangan 14 Tahun 2014 : Panduan Penggunaan Buku Kerja di Sekolah bertarikh 4 September 2014, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2000 : Penggunaan Buku Kerja di Sekolah Rendah bertarikh 3 Februari 2000 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10 Tahun 1993 : Penggunaan Buku Kerja di Sekolah bertarikh 27 Disember 1993.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima aduan dan rungutan daripada pelbagai pihak berkepentingan terutamanya melibatkan ibu bapa / penjaga murid berkaitan penggunaan buku kerja secara berleluasa dalam kalangan murid di sekolah KPM. Selain mengakibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada ibu bapa / penjaga murid, perkara tersebut jelas tidak akur kepada panduan penggunaan buku kerja seperti yang dibenarkan oleh KPM melalui arahan pentadbiran seperti disenaraikan di atas.


(2) (1)

.../2

Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung



		Sila	
Ketua Pen. Pengarah		Uruskan	
Pen. Pengarah / KU		Hadir	
Penyelia		Faikan	
Pembantu Khas		Bincang	
		Tindakan	<input checked="" type="checkbox"/>
		Makluman	
Catatan: <b>KU SPA</b>			

  
HAJAH ASIAH BINTI HAMZAH  
Ketua Sektor Pengurusan Akademik  
b.p. Pengarah Pendidikan Pahang

*Sila panjangkan  
ke semua PPD*

Tarikh: **12/3/19**

PERINGATAN BERKAITAN PANDUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH MELALUI PENGUATKUASAAN ARAHAN PENTADBIRAN SEPERTI BERIKUT:

1. SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN BILANGAN 14 TAHUN 2014 : PANDUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH BERTARIKH 4 SEPTEMBER 2014 ;
2. SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 1 TAHUN 2000 : PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH RENDAH BERTARIKH 3 FEBRUARI 2000; DAN
3. SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 10 TAHUN 1993 ; PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH BERTARIKH 27 DISEMBER 1993

Ruj. Kami: KPM100-1/7/1 Jld. 9 (48)

Tarikh: 06 Mac 2019

3. Ke arah mengupayakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih berkesan, bermakna dan menyeronokkan, KPM ingin menegaskan semula peringatan tentang keakuran kepada panduan penggunaan buku kerja di sekolah sebagai bahan tambahan oleh murid selain penggunaan buku teks sebagai bahan utama yang wajib digunakan dalam proses PdP di bilik darjah.
- ...4. Bersama-sama ini disertakan surat-surat pekeliling dan surat siaran yang berkenaan yang jelas menerangkan maksud untuk tindakan pihak YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan. Jasa baik dan kerjasama YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan jabatan/pejabat pendidikan daerah/sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan akan peringatan untuk akur kepada panduan penggunaan buku kerja di sekolah. Perhatian dan tindakan YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**SHAARI BIN OSMAN**

Timbalan Ketua Pendaftar

Merangkap Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

(Sektor Operasi Pendidikan)

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

.../3



1. **YB Menteri Pendidikan Malaysia**
2. **YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia**
3. **Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
4. **Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
5. **Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
6. **Timbalan-Timbalan Ketuan Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
7. **Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
8. **Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
9. **Penasihat undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
10. **Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia**



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
Office of the Director General of Education Malaysia  
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA  
Level 7 Block J Damansara Town Centre  
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900  
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/4/Jld.XVI (1)  
3 Februari 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 1/2000:  
Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah Rendah**

Penggunaan buku kerja di sekolah rendah telah menimbulkan berbagai reaksi dari guru-guru dan ibu bapa. Beberapa pekeliling Kementerian Pendidikan telah dikeluarkan untuk menjelaskan mengenai perkara ini. Dalam hal ini, Kementerian berpendapat bahawa buku kerja yang baik dan sesuai isi kandungannya sebagai bahan tambahan boleh digunakan oleh guru-guru untuk memperkayakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah tanpa mengabaikan penggunaan buku teks. Perlu ditegaskan di sini bahawa buku teks adalah merupakan bahan utama yang wajib digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan buku kerja hanyalah sebagai bahan tambahan.

2. Pekeliling ini dikeluarkan sebagai garis panduan mengenai penggunaan buku kerja sekolah rendah untuk dipatuhi oleh semua Guru Besar dan guru. Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

**(A) PENGGUNAAN**

- i) Murid-Murid Tahap 1 tidak dibenarkan menggunakan buku kerja kerana Buku Latihan Aktiviti (BLA) telah disediakan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan.
- ii) Bagi murid-murid Tahap 2, hanya satu judul buku kerja sahaja dibenarkan untuk setiap pelajar bagi tiap-tiap satu mata pelajaran KBSR seperti dalam jadual berikut:

JENIS SEKOLAH	MATA PELAJARAN				
	SK	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Sains
SJK(C)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Sains	Bahasa Cina
SJK(T)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Sains	Bahasa Tamil

- iii) Guru-guru tidak boleh menggunakan sepenuhnya buku kerja semasa waktu mengajar dalam kelas di sekolah.
- iv) Buku kerja digunakan hanya sebagai sumber latihan setelah guru-guru mengajar konsep dan kemahiran kepada murid. Untuk itu, guru-guru tidak digalakkan menggunakan buku kerja pada awal tahun persekolahan.
- v) Murid-murid boleh menggunakan buku kerja sebagai bahan rujukan, kerja rumah dan sebagai bahan ulangkaji.



**(B) PEMILIHAN**

Bagi murid-murid di Tahap 2,

- i) Pemilihan buku-buku kerja hendaklah dilakukan oleh panitia mata pelajaran KBSR sekolah masing-masing berdasarkan kepada keperluan pelajar dan kesesuaian isi kandungan, mutu dan harga.
- ii) Hanya satu judul buku kerja dibenarkan dipilih untuk tiap-tiap satu mata pelajaran seperti di para 2(A) ii di atas.
- iii) Isi kandungan buku kerja yang dipilih hendaklah bersesuaian dan menepati kemahiran yang disarankan dalam Buku Panduan Khas KBSR dan sesuai dengan peringkat kebolehan murid. Laporan pemilihan yang terperinci hendaklah disediakan bagi setiap buku kerja yang dipilih berdasarkan kriteria sekolah masing-masing mengenai isi kandungan, mutu dan harga.
- iv) Harga buku kerja yang dipilih hendaklah berpatutan dan tidak membebankan ibu bapa.
- v) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) hendaklah dimaklumkan mengenai buku-buku kerja yang dipilih.

**(C) PENJUALAN**

- i) Penerbit tidak dibenarkan membuat promosi jualan kepada murid-murid dan guru-guru di sekolah.
- ii) Buku kerja tidak dijual pada awal tahun persekolahan untuk mengurangkan beban kewangan ibu bapa,
- iii) Murid-murid tidak wajib membeli buku kerja yang dipilih oleh pihak sekolah dan ibu bapa boleh memilih untuk membeli atau tidak buku kerja yang dicadangkan. Setiap judul buku kerja yang dipilih hendaklah disenaraikan dalam kategori 'pilihan' dalam senarai tajuk buku dan peralatan yang dicadangkan untuk dibeli oleh murid.

3. Kandungan Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan sepenuhnya mulai Januari 2001. Dengan penguatkuasaan pekeliling ini, maka semua pekeliling Kementerian sebelum ini yang berkaitan dengan buku kerja adalah dibatalkan.

4. Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan adalah diminta untuk memaklumkan kandungan pekeliling ini kepada semua Guru Besar di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih,

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. **Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad  
Menteri Pendidikan Malaysia**
  2. **Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan**
  3. **Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan**
  4. **Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir  
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan**
  5. **Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan**
  6. **Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan**
  7. **Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan**
  8. **Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan**
  9. **Ketua Nazir Sekolah**
  10. **Semua Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri**
  11. **Pegawai Perhubungan Awam**





TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
 DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
 DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN  
 EDUCATION POLICY AND DEVELOPMENT  
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
 MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
 ARAS 3, BLOK E8, KOMPLEKS E  
 LEVEL 3, BLOCK E8, COMPLEX E  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERBEKUTUAN  
 FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
 62804 PUTRAJAYA  
 MALAYSIA



KEMENTERIAN  
 PENDIDIKAN  
 MALAYSIA



Tel : 03-8884 6149  
 Faks : 03-8884 6148  
 Portal : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KP (BPK) 600-3.Jld.9 (30)  
 Tarikh : 4 SEPTEMBER 2014

Semua Pengarah/ Setiausaha Bahagian  
 Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
 BIL. 14 TAHUN 2014**

**PANDUAN PENGGUNAAN BUKU KERJA DI SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Surat Siaran ini bertujuan untuk memperingatkan pihak sekolah berkenaan penggunaan buku kerja dengan merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2000: Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah Rendah bertarikh 3 Februari 2000 yang masih berkuatkuasa.
3. Penggunaan buku kerja dan buku latihan yang diterbitkan oleh syarikat penerbitan tempatan sangat meluas dalam kalangan pihak sekolah dan Ibu bapa. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati perkara ini merupakan suatu amalan yang tidak sihat kerana hal ini akan menyebabkan penggunaan buku teks sebagai bahan pembelajaran asas yang utama untuk murid dlabaikan.
4. Sehubungan itu, pihak sekolah hendaklah mematuhi panduan yang telah ditetapkan berkaitan penggunaan buku kerja di sekolah seperti yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2000: Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah Rendah bertarikh 3 Februari 2000.

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dipohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian-bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATUK Dr. AMIN BIN SENIN)**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada  
YAB Menteri Pendidikan Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada  
YB Menteri Pendidikan II
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada  
YB Timbalan Menteri Pendidikan I
4. Setiausaha Sulit Kanan kepada  
YB Timbalan Menteri Pendidikan II
5. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
8. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia

9. **Timbalan Ketua Setlausaha (Pengurusan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
10. **Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Operasi)  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
11. **Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Profesional Keguruan)  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
12. **Rektor IPGM  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
13. **Ketua Jemaah Nazir Sekolah  
Kementerian Pendidikan Malaysia**
14. **Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia**



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BLOK J, PARAS 7  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2556900  
Fax : 03-2543107  
Kawat : "PELAJARAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VIII / (56)

Tarikh : 27 Disember 1993

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 10/1993 :**  
**Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah**

Sukacita saya menarik perhatian tuan kepada Peraturan Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah, Kementerian Pendidikan telahpun mengeluarkan arahan menerusi surat-surat pekelliling seperti tersebut di bawah :-

- i. Surat KP.BT.8772/1990/SP/(22) bertarikh 5 Januari 1990.
- ii. Surat KP.BT.8772/1990/SP/(23) bertarikh 1 Jun 1990.
- iii. Surat KP.BT.9010/(30) bertarikh 2 Oktober 1991.

2. Bagaimanapun, setelah adanya peraturan-peraturan dikeluarkan, Kementerian ini masih mendapati ada sebilangan sekolah-sekolah yang tidak mematuhi arahan pekelliling tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, saya ingin menegaskan bahawa pekelliling-pekelliling ini masih berkuatkuasa. Oleh yang demikian, tuan adalah dikehendaki mengambil tindakan bagi menentukan supaya sekolah-sekolah benar-benar mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

4. Untuk rujukan, bersama-sama ini disertakan salinan surat-surat pekelliling tersebut untuk tuan panjangkan kepada semua Pegawai Pendidikan Daerah/Bahagian, Pengetua dan Guru Besar di negeri tuan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. **Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud**  
**Menteri Pendidikan Malaysia**
  2. **Y.B. Dr. Leo Michael Toyad**  
**Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia**
  3. **Y.B. Dr. Fong Chan Onn**  
**Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia**
  4. **Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Pendidikan Malaysia**
  5. **Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I**
  6. **Timbalan Ketua Setiausaha I**
  7. **Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II**
  8. **Timbalan Ketua Setiausaha II**
  9. **Ketua-Ketua Bahagian**  
**Kementerian Pendidikan**
  10. **Pegawal Perhubungan Awam**



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BLOK J, PARAS 7  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2556900  
Fax : 03-2543107  
Kawat : "PELAJARAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP,BT.8772/1990/SP/(22)

Tarikh : 5 Januari 1990

Semua Pengarah Pendidikan Negeri  
Semua Pengetua Sekolah Menengah  
Semua Guru Besar Sekolah Rendah

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

### Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah

Penggunaan Buku Kerja dan Buku Tambahan telah meluas di sekolah-sekolah sehingga menimbulkan beban kewangan kepada ibu bapa. Di samping itu, penggunaan buku kerja oleh guru-guru yang tidak dikawal telah menimbulkan reaksi yang negatif dari orang ramai terhadap Kementerian Pendidikan sehingga lahir tuduhan-tuduhan yang tidak baik terhadap Pengetua/Guru Besar dan guru dalam media massa. Dengan meluasnya penggunaan buku kerja dan buku tambahan semasa pengajaran, buku teks tidak digunakan sepenuhnya sebagai bahan pengajaran walaupun Kementerian Pendidikan telah membelanjakan peruntukan kewangan yang besar bagi membekalkan buku teks kepada murid-murid di seluruh negara.

2. Mulai tarikh kuatkuasa surat pekeliling ini, maka semua Pengetua/Guru Besar dan guru adalah dikehendaki mematuhi peraturan seperti berikut :-

- (a) Guru tidak dibenarkan menggunakan buku kerja semasa waktu mengajar dalam kelas.
- (b) Buku kerja tidak dibenarkan untuk disenarai dalam senarai buku di sekolah-sekolah.
- (c) Juru jual dan kedai buku tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan sekolah dengan tujuan untuk menjual buku ataupun membuat promosi menggalakkan murid-murid menggunakan buku kerja mereka. Segala bentuk promosi atau pengiklanan buku kerja dalam kawasan sekolah adalah tidak dibenarkan.

3. Semua Pengetua dan Guru Besar adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan di atas dan memastikan bahawa segala bentuk penggunaan ataupun promosi penggunaan buku kerja dalam kawasan sekolah dan bilik darjah tidak berlaku lagi. Sebagai profesional, guru seharusnya membina dengan sendiri aktiviti-aktiviti tambahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran tanpa bergantung atau berpandu kepada buku kerja atau tambahan.

4. Dalam penyediaan buku teks KBSM baharu yang sudah dan akan diedarkan pada masa hadapan, aktiviti dan kerja tambahan telah dan akan diperluas dan ditambah supaya tidak lagi perlu murid-murid menggunakan buku kerja atau buku tambahan dari pasaran terbuka.

Sekian, terima kasih.



**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k. Y.Bhg. Datuk TKPP I  
Y.Bhg. Datuk TKPP II  
Setiausaha Sulit Kanan YB Menteri Pendidikan  
Setiausaha Sulit Kanan YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Setiausaha Sulit Kanan YB Timbalan Menteri Pendidikan II





PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BLOK J, PARAS 7  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2556900  
Fax : 03-2543107  
Kawat : "PELAJARAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP.BT.8772/1990/SP/(23)

Tarikh : 1 Jun 1990

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Semua Pengetua Sekolah Menengah

Semua Guru Besar Sekolah Rendah

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

### Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah

Merujuk kepada Surat Pekeliling Kementerian KP.BT.8772/1990/SP/(22) bertarikh 5 Januari 1990 mengenai penggunaan buku kerja di sekolah, Kementerian telah mengkaji rayuan daripada semua pihak tentang larangan penggunaan buku kerja di sekolah-sekolah dan bersetuju menangguhkan penguatkuasaan Surat Pekeliling yang tersebut di atas sehingga tamat tahun persekolahan 1990/1991.

2. Satu arahan baru tentang garis panduan penggunaan buku kerja di sekolah-sekolah selepas tamat tahun persekolahan 1990/1991 akan dikeluarkan oleh pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k. Y.Bhg. Datuk TKPP I  
Y.Bhg. Datuk TKPP II  
Setiausaha Sulit Kanan YB Menteri Pendidikan  
Setiausaha Sulit Kanan YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Setiausaha Sulit Kanan YB Timbalan Menteri Pendidikan II



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BLOK J, PARAS 7  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2556900  
Fax : 03-2543107  
Kawat : "PELAJARAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP.BT.9010/(23)

Tarikh : 2 Oktober 1991

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 10/1991 :**  
**Penggunaan Buku Kerja Di Sekolah Rendah**

Penggunaan buku kerja yang begitu meluas di sekolah-sekolah rendah telah menimbulkan berbagai reaksi dari guru-guru dan ibu bapa. Oleh itu, beberapa Pekeliling Kementerian telah dikeluarkan mengenai perkara tersebut. Di dalam hal ini, Kementerian berpendapat bahawa buku kerja dan bahan latihan yang baik dan sesuai sepatutnya dihasilkan sendiri oleh guru-guru dari sekolah yang berkenaan kerana mereka lebih mengenali dan memahami peringkat kebolehan murid-murid mereka. Buku kerja telah banyak digunakan di sekolah-sekolah sehingga murid dan guru bergantung sepenuhnya kepada buku kerja sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dan mengabaikan buku teks. Perlu ditegaskan di sini bahawa buku teks adalah merupakan bahan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan buku kerja sebagai bahan tambahan.

2. Di bawah ini diberikan garis panduan mengenai penggunaan buku kerja sekolah rendah untuk dipatuhi oleh semua Guru Besar dan guru seperti berikut :

(a) Penggunaan

- i. Satu judul buku kerja dibenarkan hanya untuk mata-mata pelajaran KBSR berikut :

Jenis Sekolah	Mata Pelajaran			
	SK/SRK	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik
SRJK (C)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Bahasa Cina
SRJK (T)	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Matematik	Bahasa Tamil

- ii. Guru-guru tidak boleh menggunakan sepenuhnya buku kerja semasa waktu mengajar dalam kelas di sekolah.
- iii. Buku kerja digunakan hanya sebagai sumber latihan setelah guru-guru mengajar konsep dan kemahiran kepada murid-murid.
- iv. Murid-murid boleh menggunakan buku kerja sebagai bahan rujukan dan untuk kerja rumah.

- v. Guru-guru boleh menggunakan buku kerja untuk mengulangkaji pelajaran.

(b) Pemilihan

- i. Pemilihan buku kerja hendaklah dilakukan oleh panitia mata pelajaran KBSR sekolah masing-masing berdasarkan kesesuaian isi kandungan, mutu dan harga.
- ii. Hanya satu judul buku kerja dibenarkan dipilih untuk tiap-tiap satu mata pelajaran seperti di pada 2 (a) i di atas.
- iii. Isi kandungan buku kerja yang dipilih hendaklah bersesuaian dan menepati kemahiran yang disarankan dalam Buku Panduan Khas KBSR dan sesuai dengan peringkat kebolehan murid. Laporan pemilihan yang terperinci hendaklah disediakan bagi setiap buku kerja yang dipilih berdasarkan kriteria sekolah masing-masing mengenai isi kandungan, mutu dan harga.
- iv. Harga buku kerja yang dipilih hendaklah berpatutan dan tidak membebankan ibu bapa.

(c) Penjualan

- i. Penjualan boleh dibuat di kedai buku sekolah atau koperasi sekolah sahaja.
- ii. Penerbit tidak dibenarkan membuat promosi jualan kepada murid-murid dan guru-guru di sekolah.

3. Dengan penguatkuasaan Pekeliling ini mulai 1 Disember 1991, maka semua Pekeliling Kementerian sebelum ini yang berkaitan dengan buku kerja adalah dibatalkan.

4. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Tuan adalah diminta untuk memaklumkan kandungan Pekeliling ini kepada semua Guru Besar di negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CINTAILAH BAHASA KITA"**



**TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN ARSHAD**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

s.k. Y.B. Dato' Amar Dr. Sulaiman bin Daud  
Menteri Pendidikan Malaysia